

04 AUG 2003

MAHATHIR-ASIA TIMUR

DR MAHATHIR GESA SOKONGAN TERBUKA BAGI PERKUMPULAN EKONOMI ASIA TIMUR

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa kerajaan-kerajaan negara Asia Timur memberikan sokongan terbuka kepada idea membentuk perkumpulan Ekonomi Asia Timur.

Dengan sokongan terbuka, ia akan menjadi satu asas kukuh bagi penubuhannya, kata Dr Mahathir semasa menjawab soalan di Kongres Asia Timur Pertama di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata inti pati perkumpulan itu telahpun wujud dalam bentuk Asean + 3, yang melibatkan negara-negara Asean, Jepun, China dan Korea Selatan.

"Tetapi kita memanggilnya Asean + 3 untuk tidak menimbulkan kemarahan negara-negara lain. Tetapi kini kita perlu menyatakan dengan terbuka bahawa kita mahu menubuhkan perkumpulan Ekonomi Asia Timur...mudah sahaja," katanya.

Bermula daripada langkah itu, sebuah institusi boleh dibentuk dan rundingan seterusnya sepatutnya berkaitan penubuhannya di samping cuba mempelajari antara satu sama lain untuk menangani sebarang masalah yang timbul, kata Dr Mahathir.

"Sepanjang pengetahuan Malaysia, kami telahpun menerima idea itu sejak 10 tahun lalu dan kami pastinya sangat gembira sekiranya kita berhenti bersembunyi di belakang Asean + 3 dan memanggil diri kita sendiri perkumpulan Ekonomi Asia Timur," katanya.

Menjawab satu soalan lain, Perdana Menteri berkata sepatutnya terdapat satu badan untuk memantau pembentukan perkumpulan itu bagi memastikan tiada kesilapan yang dilakukan.

"Ia satu idea yang baik untuk mewujudkan satu badan yang akan memeriksa semua perkara yang telah saya sebutkan, semua persoalan yang saya ajukan sekejap tadi, agar kita dapat mengelak melakukan terlalu banyak kesilapan.

"Bagaimanapun saya yakin kita pasti akan membuat silap tetapi kita mesti bersedia untuk membetulkan kesilapan agar sekiranya kesilapan itu dapat dikesan lebih awal oleh institusi khas ini, kita akan dapat mengelak daripada sebarang perbahasan besar yang melibatkan ramai orang yang tidak akan mencapai apa-apa keputusan," katanya.

Mengenai peranan yang dapat dimainkan oleh perkumpulan itu bersama kumpulan sedia ada yang lain seperti Asean dan Apec, Dr Mahathir berkata semua negara-negara Asia Timur perlu bekerjasama untuk mendapat kesan maksimum dengan berinteraksi dan bertindak bersama-sama.

"Mengapa Eropah membentuk Kesatuan Eropah...kerana ia pastinya akan memberikan beberapa kelebihan kepada mereka manakala perkumpulan Asia Timur juga akan memberikan kita kelebihan yang sama," katanya.

Dr Mahathir juga berkata perjanjian akan lebih mudah dicapai dengan kumpulan yang lebih kecil yang berkongsi pemikiran yang sama untuk memberi sumbangan kepada rakyat menerusi pembangunan.

"Mengapa negara-negara Asia Timur tidak boleh bekerjasama? kita tidak berperang antara satu sama lain, kita mesra antara satu sama lain dan sekiranya kita bekerjasama kita mampu mencapai kejayaan lebih besar terutama di peringkat antarabangsa," katanya.

Dr Mahathir juga berkata tiada salahnya mewujudkan perkumpulan Ekonomi Asia Timur, walaupun sekiranya negara-negara tersebut juga anggota Apec.

Apabila ditanya sama ada Perkumpulan Asia Timur bersedia untuk berbincang mengenai isu berkaitan Korea Utara, Dr Mahathir berkata: "Ketika

ini, kita tidak berbincang mengenai penyatuan kedua-dua Korea."

Beliau berkata perkumpulan itu tidak akan campur tangan dalam masalah dalaman antara kedua-dua negara kerana ia percaya kedua-dua pihak mampu menyelesaikan masalah mereka dari masa ke semasa.

Mengenai sama ada perkumpulan itu bersedia untuk menerima Hong Kong dan Timor Timur sebagai anggota, Dr Mahathir berkata ianya bergantung kepada keputusan yang diambil oleh para anggota.

Sementara itu, semasa menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata Jepun boleh memainkan peranan penting dari segi ekonomi dan politik terutama kerana ia masih lagi menjadi peneraju dalam pembuatan inovatif dan pengeluaran.

Dr Mahathir berkata pengetahuan pakar-pakar Jepun akan membawa perubahan di negara-negara lain di rantau ini dengan menyebarkan pengetahuan ke bahagian lain di Asia Timur.

"Dari segi politik kita memerlukan Jepun memfokus dan memikirkan dirinya sebagai sebuah negara Asia Timur dan Jepun menjadi maju kerana Asia Timur," katanya.

"Jepun mempunyai peranan besar untuk dimainkan dan Jepun sebagai sebuah negara Asia Timur perlu merasakan sedikit kesetiaan kepada Asia Timur," kata Dr Mahathir.

Mengenai China, Dr Mahathir berkata negara-negara Asia Timur perlu mencari jalan untuk menembusi pasaran China meskipun persaingan sengit daripada kos pengeluarannya yang rendah.

"Tetapi kita percaya sebaik sahaja orang China menjadi lebih maju ia tidak lagi akan menjadi pengeluar kos rendah seperti apa yang berlaku kepada Jepun sebelum ini.

"Pada ketika itu, kos mengeluarkan barang-barang di China akan meningkat dan pada satu tahap, mungkin kita boleh menembusi pasaran China dengan lebih mudah," katanya. -- BERNAMA

WNZ NM SD ZK